

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NEGARA

Mansuh pencen boleh bahas di Dewan Rakyat – Dr. Dzulkefly

PUTRAJAYA – Isu pemansuhan skim pencen penjawat awam boleh dibahaskan di Dewan Rakyat kelak, kata Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad.

Menurutnya, semua orang boleh memberi cadangan dan syor mengenai perkara tersebut, namun pada akhirnya ia kekal menjadi polisi yang ditetapkan oleh kerajaan.

"Kami dalam Dewan (Parlimen) nanti akan berbahas, menteri kena jawab, *backbenchers* (penyokong kerajaan) boleh bangkitkan isu itu termasuk pembangkang.

"Saya kira cadangan dan syor oleh segelintir pihak itu ada meritnya dan berhak memberikan cadangan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas menyampaikan Amanat Tahun Baharu 2024 Kementerian Kesihatan (KKM), di sini semalam.

Katanya, beliau berasaskan langkah (pemansuhan skim pencen penjawat awam) ada baiknya, selain mengakui terdapat segelintir penjawat awam yang memilih untuk mencarum dengan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

Terdahulu, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Ahmad



DR. DZULKEFLY

Zahid Hamidi berkata, Kabinet bersetuju perjawatan bagi penjawat awam baharu selepas 1 Februari ini berstatus tetap adalah tidak berpence.

Jelas Ahmad Zahid, pendirian itu dibuat selepas menilai jumlah pencen yang terpaksa ditanggung kerajaan jika sistem saraan sedia ada tidak dipinda, akan mencecah RM120 bilion setahun menjelang 2040.

Bagi penjawat awam sedia ada, status berpence mereka tidak terjejas, sementara penjawat awam baharu kelak akan membuat caruman menerusi KWSP.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 5
RUANGAN : NEGARA



ORANG ramai perlu berhati-hati untuk mengelak penularan Covid-19 pada perayaan Tahun Baharu Cina nanti. — GAMBAR HIASAN

Jangan terlalu selesa, amal SOP Covid-19 pada Tahun Baharu Cina

PUTRAJAYA — Orang awam diminta tidak terlalu selesa dan dinasihatkan sentiasa berjaga-jaga bagi mengelak penularan kes Covid-19 menjelang sambutan Tahun Baharu Cina tidak lama lagi.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad berkata, biarpun tidak lagi gusar, namun semua pihak perlu tetap berhati-hati dan mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan sebelum ini.

Beliau berkata, bagi yang mengalami gejala dan simptom seperti batuk mereka perlu memakai pelitup muka bagi menge-lak jangkitan.

"Sekarang ini, bila kita nam-pak orang pakai pelitup muka mungkin dia batuk.

"Jika berada di kawasan sesak, perlu ambil langkah berjaga-jaga," katanya pada sidang akhbar selepas menyampaikan Amanat Tahun Baharu 2024 Kementerian Kesihatan (KKM) di sini semalam.

Katanya, SOP itu masih sama dan ia diharap dapat memban-

tu mengelakkan penularan kes dalam kalangan masyarakat.

Dr. Dzulkefly berkata, beliau juga mengingatkan orang ramai supaya tidak terlalu berjaga-jaga sehingga mengganggu kehidupan sehari-hari.

Ditanya sama ada kes Covid-19 akan meningkat selepas sambutan Tahun Baharu Cina, Dr. Dzulkefly berkata, ia mungkin akan berlaku selain disifatkan masih dalam kawalan.

"Seperti yang kita jangkakan sebelum ini, kes jangkitan akan menurun pada Januari dan ia berlaku selepas berlaku pening-katan kes pada Disember tahun lalu.

"Jika ada potensi ledakan kes, semua pihak perlu ambil langkah secara persendirian bagi menge-lak jangkitan," ujarnya.

Sebelum ini, KKM menjang-kakan peningkatan kes Covid-19 pada akhir tahun lalu dan awal bulan ini susulan cuti perayaan Krismas, selain sambutan ta-hun baharu serta musim cuti sekolah..

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 2
RUANGAN : NATION

Dzulkefly: New scheme will not spur decrease in workforce

PUTRAJAYA: The proposed new salary scheme for civil servants will not lead to an increase in the attrition rate for medical officers in government hospitals, says Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad.

In fact, he pointed out that there had been a drop in the attrition rate compared to previous years.

"From 2023 to this year, out of 10,000, we have made over 6,300 permanent offers," Dr Dzulkefly said after giving his 2024 mandate speech at the ministry yesterday.

He said that the new scheme should not be viewed negatively, explaining that individuals contributing to the Employees Provident Fund may receive significant gains.

"It's essential not to view it negatively or as a disadvantage; by putting it into perspective, there is choice (for the people)," he added.

The new salary scheme, which is expected to be announced by the Public Service Department within this year, is applicable only to new hires.

Deputy Prime Minister Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi had explained that new civil servants would be recruited on a contract basis for an interim period before the Cabinet approves a new policy of non-pensionable permanent employment.

On the current debate over the Federal Government's plans to abolish pension payments for new hires in the civil service, Dr Dzulkefly said that everyone had the right to give their suggestions.

"If this matter is raised in the Dewan Rakyat, the responsible minister will address the concerns."

"We can discuss this in Parliament, where government backbenchers and Opposition members can raise the issue," he said.

Dr Dzulkefly also spoke about improvements being made in the appointment process for medical graduates as housemen in public hospitals.

"In the past, they had to endure a waiting period of up to two years to receive housemanship offers, but now the waiting time has been reduced to just two months," said the Health Minister.

This comes after Malaysia Medics International urged the Federal Government to expedite the appointment process in response to reported shortages in certain health facilities in the country.

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NATION

Move to make medicine prices transparent

PUTRAJAYA: The government wants to ensure transparency in medicine pricing so that consumers can compare prices and make informed choices, says Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad.

There should be clear and comprehensive information to buyers, clients and users, he said.

"We are now looking into it. We have not yet made any decision, but what's crucial is our commitment to transparency in prices.

"The ability to compare prices is essential for consumers. We are actively working towards this goal," he said here yesterday.

Dr Dzulkefly was asked about a report in *The Star* yesterday in which the Malaysian Pharmacists Association indicated that prices of drugs from the US market could go up by between 5% and 10% this year.

It said that about half of the medications here are imported.

Malaysian medical practitioners said there would be at least a 2% price increase due to factors such as the rising cost of raw materials and labour, government taxes and the weak exchange rate.

This came following a Reuters report that drugmakers would



Be above board: Dr Dzulkefly giving his speech at an event yesterday.
—CHAN TAK KONG/The Star

raise prices of about 500 drugs in the United States this month.

When asked about the possibility of an increase in Covid-19 infections during the Chinese New Year celebration next month, Dr Dzulkefly said the public should stay vigilant and follow preventive measures.

"We don't need to panic. But be cautious, continue to practise the SOP (standard operating procedure) that has become routine. Those experiencing symptoms such as cough should wear a face mask," he added.

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : NASIONAL

Rujuk pakar sebelum ambil suplemen

Kuala Lumpur: Orang ramai disaran merujuk pakar kesihatan sebelum mengambil sebarang suplemen bagi mengelak komplikasi sehingga menyebabkan kegagalan buah pinggang.

Perunding Nefrologi dan Pakar Perubatan di Ara Damansara Medical Centre, Dr Azreen Syazril Adnan, berkata ini kerana bukan semua suplemen sesuai untuk semua orang dan kesan pengambilannya mungkin berbeza untuk setiap individu.

"Kita mempunyai gen dan keadaan kesihatan berbeza yang menyebabkan tindak balas berbeza-beza terhadap sesuatu ubat atau bahan terdapat dalam suplemen."

"Antara perkara merisaukan adalah terdapat suplemen berauda di pasaran yang tidak isytihar betul-betul kandungannya dan mungkin mengandungi logam berat atau steroid."

"Jadi, jangan ambil suplemen tanpa berunding dengan doktor terlebih dahulu," katanya pada program *Apa Khabar Malaysia* terbitan *Bernama TV*, semalam.

Beliau turut memberi amaran pengambilan suplemen boleh menyebabkan keadaan pesakit buah pinggang bertambah teruk, terutamanya rata-rata mereka tidak sedar menghidap penyakit itu kerana simptomnya sukar dikesan pada peringkat awal.

Isu kekurangan doktor pelatih

Tempoh serap graduan perubatan hanya 2 bulan

KKM adakan 6 pengambilan dalam setahun bukti kecekapan

Oleh Samadi Ahmad
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Graduan perubatan tidak perlu lagi menunggu sehingga dua tahun untuk disenarai sebagai doktor pelatih kerana tempoh berkenaan ketika ini dipendekkan kepada dua bulan sahaja.

Malah, Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, berkata Kementerian Kesihatan (KKM) juga mengadakan enam pengambilan dalam setahun bagi memastikan graduan perubatan tidak perlu menunggu lama untuk disenarai ke alam pekerjaan.

Beliau berkata, penambahan baiklah dilakukan dalam proses pengambilan itu menunjukkan kecekapan pengurusan di pihak KKM.

"Graduan tidak lagi perlu menunggu lama kerana kita faham penantian itu suatu penyek

saan," katanya kepada pemberita selepas menghadiri Majlis Amanat Tahun Baharu KKM semalam.

Dzulkefly berkata demikian diminta mengulas kenyataan Malaysia Medics International (MMI) yang menggesa kerajaan mempercepatkan pengambilan graduan perubatan susulan isu kekurangan doktor pelatih yang dialami di sebuah hospital pengangguran di negara ini.

Organisasi diterajui pelajar perubatan antarabangsa itu memberi contoh contoh Singapura yang mana tempoh peralihan antara graduan dan alam kerja yang ditawarkan jauh lebih singkat berbanding di Malaysia, yang mana graduan perlu menunggu kira-kira enam bulan.

Gesaan itu susulan laporan portal berita kesihatan CodeBlue mengenai pelaksanaan protokol 'sifar HO' (tiada doktor pelatih) di Jabatan Perubatan di Pusat Perubatan Universiti Melayu (PPUM) yang berdepan kekurangan doktor pelatih.

Tak jejas perkhidmatan

Mengenai keimbangan dibangkitkan mengenai sistem kontrak baharu penjawat awam termasuk



Dzulkefly berucap pada Majlis Amanat Tahun Baharu KKM semalam.

(Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

suk berkaitan isu ketidaaan skim penceh, Dzulkefly berkata, perkara itu tidak akan menjelaskan perkhidmatan kesihatan di negara ini.

Ini kerana, katanya, jumlah pegawai perubatan yang berhenti menunjukkan penurunan jika dibandingkan sebelum ini.

"Ia menunjukkan mereka lebih selesa berkhidmat di hospital kerajaan berbanding dengan swasta."

"Pada tahun lalu, KKM melantik kira-kira 10,000 pegawai perubatan dan daripada jumlah itu 6,300 telah menerima lantikan tetap," katanya.

Gaji tak setimpal punca jururawat hijrah ke luar negara

Kuala Lumpur: Kadar gaji tidak setimpal menjadikan antara punca utama raihan dalam kalangan jururawat di negara ini memilih berhijrah serta berkhidmat di luar negara.

Laman web CodeBlue melaporkan, meskipun data mengenai angka sebenar jururawat berhenti dalam sektor awam tidak didehdahkan kerajaan, Kementerian Kesihatan (KKM) secara dalam mengakui kekurangan tenaga kerja itu membimbangkan.

CodeBlue melalui artikel disiarkan kelmarin, berkongsi kisah seorang jururawat yang hanya dinamakan sebagai Sarah, yang mengakui kira-kira 50 rakan sejawatan di sebuah hospital universiti di Lembah Klang berhenti dan berhijrah ke negara seperti Singapura, Dubai dan Brunei.

Puncanya, tawaran lebih menarik disediakan di negara terabit seperti gaji yang lebih tinggi, keseimbangan antara hidup dan kerja, serta persekitaran kerja keseluruhan yang lebih baik.

Malah, Sarah turut berkongsi

mengenai nasib dirinya yang hanya dibayar dengan gaji pokok RM2,600 meskipun berbekal pengalaman kerja selama 14 tahun. Ditambah eluan, pendapatan bulannya RM3,800 saji.

"Anda akan ketawa apabila melihat gaji saya berbanding gaji pokok semasa bekerja di Doha iaitu RM10,000. Walaupun saya merayu, pihak hospital enggan mlaraskan skala gaji saya dan apa yang menyedihkan, bank juga menolak pinjaman perumahan saya."

"Pelarasan gaji juga perlu dipertimbangkan kerana ada dalam kalangan jururawat yang tidak ditaja pengajian dan terpaksa membayar baik pinjaman kepada Majlis Amanah Rakyat (MAR) atau Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)."

"Pihak hospital pula disifatkan terlalu membatu tangga gaji Persekutuan walaupun sebenarnya mempunyai kapasiti untuk menawarkan lebih tinggi gaji," katanya seperti dilaporkan CodeBlue.

Di Malaysia, jururawat baha-



KKM akui kekurangan jururawat membimbangkan.

(Foto hiasan)

di hospital awam atau hospital pengajar dibayar gaji serendah RM1,797 sebulan, berbanding gaji permulaan SGD2,500 (kira-kira RM8,720) di Singapura untuk jururawat berdaftar dengan

kelayakan diploma.

Jururawat gred UD32 pula menerima gaji RM2,331 dan pada gred UD36, gaji minimum ialah RM3,590 dengan had maksimum ialah RM7,605.

CodeBlue juga melaporkan Dubai antara destinasi pilihan jururawat untuk berhijrah memandangkan gaji permulaan boleh mencapai 5,000 dirham Emiriah Arab Bersatu (UAE) atau kira-kira RM6,326.

Bercerita lanjut, Sarah yang sebelum ini bekerja di bawah KKM sebelum berpindah ke hospital universiti berkata, rombakkan tugas daripada jururawat pakar ke klinik biasa akan memberi kesan kepada waktu dan keadaan kerja mereka.

"Jururawat kerap bekerja dua syif dan kadangkala nisbah jururawat kepada pesakit di hospital universiti ialah 1:4 atau sehingga 1:8, malah boleh mencecah 1:20 sekiranya di wad tertentu seperti wad dengan.

"Ramai jururawat mengalami 'slipped disc' (tulang rawan tergelincir) pada usia muda dan perlu mengambil tugas ringan.

"Jika mereka ibu tunggal, mereka perlu bekerja di pejabat," katanya yang menggesa pengrusan dan pemimpin baharu diperlukan bagi menyuarakan pendapat dan isu berbangkit di alam jururawat.